

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 29 MAC 2018

MUKA SURAT: 26

Penghuni diarah pindah tiang pangsapuri retak

BANGI 28 Mac - Sebanyak 155 penduduk Blok 4 Pangsapuri Jubli Perak, Seksyen 4, Bandar Baru Bangi di sini diarah mengosongkan kediaman mereka selepas tiang pangsapuri berkenaan didapati retak.

Kesemua mangsa kini ditempatkan di pusat pemindahan sementara Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Tiga di sini, sementara menanti keputusan laporan keselamatan mendiami kediaman itu pada Jumaat ini.

Pengerusi Bencana Daerah Hulu Langat, Datuk Rosli Othman berkata, penelitian dilakukan oleh Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) dan pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dilakukan pada kesemua 114 buah tiang konkrit bangunan lima tingkat tersebut.

Beliau yang merangkap Pegawai Daerah Hulu Langat berkata, pemeriksaan mendapati sebanyak 18 tiang mengalami masalah struktur yang menyebabkan keretakan dan besi konkrit tiang berkarat.

"Sepanjang pemantauan yang dilakukan dalam tempoh 24 jam bermula semalam, laporan menunjukkan tiada pergerakan tanah yang berlaku.

"Berdasarkan pemerhatian dan ujian yang dilaksanakan,

keadaan besi konkrit yang berkarat itu sudah berlaku sejak beberapa minggu dan keputusan lanjut berhubung keselamatan menduduki bangunan itu akan dapat diketahui pada Jumaat ini," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Katanya, mangsa daripada 20 buah keluarga akan dipindahkan ke Dewan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) Seksyen 2, Bangi di sini, manakala 18 buah keluarga memilih untuk berpindah ke penempatan sendiri.

"Terima kasih kepada agensi kerajaan terlibat termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dikerahkan bagi membantu mangsa-mangsa yang terlibat," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Blok 4, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Pangsapuri Jubli Perak, Md. Sharuddin Md. Yatim berkata, kesan retak pada tiang yang disedari sejak beberapa minggu lalu menimbulkan rasa bimbang dalam kalangan penduduk.

"Namun pada petang semalam keadaan tiang seperti semakin teruk apabila struktur tiang mula pecah dan jatuh ke lantai," katanya.



ROSLI OTHMAN (kanan) menunjukkan kesan rekahan pada tiang salah satu pangsapuri di Bandar Baru Bangi, semalam. - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR